

29/07/1998

Rakyat Singapura mahu KIK kekal di Tanjong Pagar

SINGAPURA, Selasa - Rakyat Singapura turut mahukan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB), di Tanjong Pagar, di sini dikekalkan demi keselesaan orang ramai.

Tinjauan Berita Harian mendapati rakyat republik itu yang sempat ditemui, berpendapat penumpang lebih selesa dengan kemudahan sedia ada di Tanjong Pagar, sekali gus KIK di situ tidak perlu dipindahkan ke Woodlands.

Mereka berpendapat demikian kerana sistem dan kemudahan di Tanjong Pagar membolehkan pemeriksaan imigresen dan kastam dijalankan sebelum penumpang naik atau selepas turun dari kereta api di stesen itu.

Seorang daripada mereka, Jaafar Ahmad, 58, berkata, cara itu lebih teratur dan penumpang tidak perlu terkejar-kejar dan berebut-rebut sehingga menyebabkan kejadian tolak-menolak antara mereka.

Beliau berharap pihak berkuasa republik itu memikirkan kebajikan penumpang terutama golongan wanita dan veteran yang kurang kederat untuk berebut-rebut jika pusat KIK dipindahkan ke Woodlands.

Penduduk dari Bukit Hwo Swee itu berkata, keselesaan penumpang menjalani pemeriksaan KIK perlu dikekalkan kerana perkhidmatan di stesen itu menjadi pilihan rakyat Malaysia dan Singapura yang mahu mengelak keadaan kelam kabut menaiki kenderaan lain.

Beliau amat menghargai jasa perkhidmatan di stesen Tanjong Pagar itu yang berusia lebih 66 tahun, tetapi kini berdepan dengan masalah apabila Singapura bertegas memindahkan pusat KIK republik itu ke Woodlands mulai 1 Ogos ini.

Langkah Singapura itu tidak selaras dengan pendirian Malaysia untuk mengekalkan perkhidmatan itu di stesen berkenaan demi keselesaan penumpang kedua-dua negara selain pelancong asing.

Seorang lagi penumpang, Segadevan, 23, dari Bishun juga mahu stesen kereta api Tanjong Pagar itu dikekalkan kerana lokasinya berhampiran pusat bandar raya, sekali gus mudah mendapatkan pengangkutan awam lain.

Beliau yang baru menamatkan latihan Perkhidmatan Negara (NS), berkata perpindahan pusat KIK ke Woodlands juga membebaskan golongan wanita yang membawa barang dan anak kecil.

Dewa Abdul Ghani, 72, dari Bukit Panjang juga bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menegaskan tidak akan memindahkan pusat KIK itu ke Woodlands.

Beliau berkata, pusat pemeriksaan itu belum tiba masanya untuk dipindahkan kerana kerajaan Malaysia mempunyai hak dan kuasa terhadap stesen itu.

(END)